

CNS8669

U GB 19-01 00140 BH398

AAB

Daim - Jawatan

SUNGAI PETANI, 19 Jan (Bernama) -- Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin berkata, beliau akan terus berkhidmat selagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak membuat sebarang keputusan mengenai hasrat beliau untuk meletakkan jawatan.

+Terpulanglah kepada beliau (Perdana Menteri) untuk membuat keputusan mengenai perkara itu,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat UMNO dan Barisan Nasional Bahagian Merbok, di sini hari ini.

Sehubungan dengan itu, beliau bersetuju menghadiri persidangan +Ekonomi Antarabangsa+ di Bali, Indonesia mulai 3 Mac ini.

Persidangan itu antara lain bertujuan membincangkan cara tertentu bagi menarik pelabur dari seluruh dunia terutama dari Amerika Syarikat untuk melabur di negara-negara anggota ASEAN.

Datuk Paduka Daim, juga dijangka akan membentangkan satu kertas kerja pada +Seminar Pelabur Luar+ di Pulau Langkawi, yang akan diadakan bulan depan. -- Lagi

♥19/01/20-55MST

CNS8670

U GB 19-01 00117 BH399

AAB

Daim - Jawatan 2 Sungai Petani

+Nampaknya masih banyak perkara yang perlu saya selesaikan sebelum meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan,+ katanya.

Datuk Paduka Daim berkata, soal perletakkan jawatannya itu adalah muktamad, dan perkara itu tidak perlu dibangkitkan lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir Selasa lepas berkata bahawa beliau tidak dapat menentukan bilakah beliau akan membuat keputusan mengenai hasrat Datuk Paduka Daim untuk meletakkan jawatan.

Mengenai krisis Teluk, Datuk Paduka Daim berkata kerajaan telah mengambil beberapa langkah sebagai persiapan menghadapi sebarang kesan yang mungkin timbul daripada krisis itu, serta langkah tertentu bagi mengatasinya.

Sehubungan dengan itu, rakyat tidak perlu bimbang mengenai perkembangan di Teluk itu, katanya. -- lagi

♥19/01/20-57MST

CNS8671

U GB 19-01 00119 BH400

AAB

Daim - Jawatan 3 Sungai Petani

Beliau juga berkata bahawa Malaysia akan terus membekalkan minyak kepada beberapa negara ASEAN bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan bahan itu sejak meletusnya krisis Teluk, jika mendapat permintaan.

Mengenai Pulau Langkawi, Datuk Paduka Daim berkata, usaha tertentu perlu dibuat untuk memastikan harga barangan di +pulau bebas cukai+ itu benar-benar murah.

+Sepatutnya harga barangan di pulau itu murah kerana ia dapat menarik lebih ramai pelancong melawat ke pulau itu dari masa ke semasa,+ kata Datuk Paduka Daim.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir membayangkan untuk menarik balik pemberian taraf bebas cukai di pulau itu sekiranya harga pelbagai barangan di pulau itu masih mahal. -- Bernama/.RO

♥19/01/20-58MST